

Newspaper	Berita Harian
Date	7 October 2015

Tindakan Dr M tak jejas sokongan ahli

» **Tuduhan curi duit rakyat dianggap bersifat kitar semula**

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa pengundi Parlimen Pekan (h Pahang supaya menolak Datuk Seri Najib Razak kerana didakwa 'mencuri duit rakyat', diyakini tidak akan menjejaskan sokongan ahli UMNO dan orang ramai terhadap kepemimpinan Perdana Menteri.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata semua isu dan tuduhan

han dilemparkan bekas Perdana Menteri itu, bersifat kitar semula dan sentiasa diubah-ubah dengan niat tertentu.

Beliau berkata, berikutan itu, terserah kepada Perdana Menteri dan pasukan peguamnya untuk mengemukakan saman di mahkamah bagi memintu Dr Mahathir menarik balik kenyataannya dan memohon maaf dengan Najib.

"Saya sudah memberitahu menerusi Twitter hari itu, bahawa kadang-kala mereka yang membuat tuduhan terhadap Perdana Menteri sering 'mengalihihkan tiang gol' (mengitar semula kenyataan mereka) dengan niat tertentu.

Bukan perkara baharu

"Bagaimanapun, apa yang paling penting semua tuduhan berkenaan adalah bukan perkara baharu. Justeru, saya berharap kita tidak perlu melayannya kerana boleh mencetuskan polemik serta memecahbelahkan ahli parti," katanya selepas

menerima tajaan untuk program Malaysian United Run 2015 di Kementerian Pertahanan di sini, semalam.

Beliau mengulas sama ada Najib patut menyaman Dr Mahathir seperti dilakukan Perdana Menteri yang menuntut

**"
Saya sudah memberitahu menerusi Twitter hari itu, bahawa kadang-kala mereka yang membuat tuduhan terhadap Perdana Menteri sering 'mengalihihkan tiang gol' (mengitar semula kenyataan mereka) dengan niat tertentu"**

Hishammuddin Hussein,
Naib Presiden UMNO

bekas Presiden MCA, Tun Ling Liong Sik, menarik bakh dan memohon maaf atas kenyataannya yang didakwa berunsur fitnah baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin menegaskan, behau tidak mengetahui identiti sebenar tujuh pemimpin UMNO yang dilaporkan sedang dipantau Lembaga Disiplin kerana memburukkan parti.

Behau berkata, tindakan itu adalah perkara biasa yang dilakukan dalam mana-mana parti politik di negara ini.

"Itu adalah perkara biasa. Apa yang diumumkan Setiausaha Agim akan dijalankan melalui saluran dalaman parti tetapi saya tidak tahu siapa yang disiasat.

"Jadi dalam hal ini, apa jua yang dibentangkan kepada pucuk pimpinan parti semasa Mesyuarat M^jlis Tertinggi (MT) untuk diputuskan," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan mengesahkan bahawa 'enam atau ti\juh' pemimpin UMNO sedang dipantau kerana cuba memburukkan parti dan kerajaan.

Tengku Adnan berkata, pemimpin yang dipantau itu mungkin berhadapan tindakan daripada lembaga disiplin parti.